

## **KESAN CUTI BELAJAR KE ATAS CUTI REHAT, GAJI DAN ELAUN**

1. Diberi untuk mengikuti apa jua jenis latihan atau pengajian yang diakui di peringkat Diploma, Ijazah Asas, Ijazah Lanjutan atau Kursus Lanjutan

### **2. JENIS CUTI BELAJAR**

- a. Bergaji Penuh
- b. Separuh Gaji
- c. Tanpa Gaji atas sebab dasar awam
- d. Tanpa Gaji
- e. Dibayar Elaun bersamaan separuh gaji

### **3. LIPUTAN TEMPOH CUTI BELAJAR**

- a. Sepanjang tempoh kursus yang diikuti termasuk cuti akademik dan rehat yang jatuh dalam kursus
- b. Sepanjang tempoh perjalanan pergi ke tempat belajar dan balik mengikut jalan yang paling dekat
- c. Sepanjang tempoh menunggu di luar negeri yang tidak dapat dielak yang disebabkan oleh urusan-urusan perjalanan tempatan

### **4. SELEPAS TAMAT TEMPOH CUTI BELAJAR**

- a. Pegawai boleh memohon kepada Ketua Jabatan ( melalui Ketua Unit/Pusat/ Dekan kepada Pendaftar) cuti tanpa rekod tidak melebihi 7 hari selepas tamat kursus/latihan/pengajian
- b. SYARAT : Tempoh Kursus/Latihan/Pengajian pegawai adalah lebih 12 bulan (PA 38 BAB C 1974)
- c. Setelah tamat cuti belajar/cuti tanpa rekod, pegawai dikehendaki melapor diri kepada Unit Latihan untuk tujuan rekod

- d. Mengemukakan satu salinan sijil kelulusan kepada Unit Perkhidmatan untuk dicatatkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan dan disimpan dalam fail peribadi

## **5. PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

- a. Pegawai yang menerima SSM layak diberi pergerakan gaji tahunan secara sebenar jika bercuti belajar bergaji penuh (SPP 5/2002, PP 4/2002). Wslaubagaimanapun tertakluk kepada laporan prestasi pegawai berkenaan.
- b. CUTI BELAJAR SEPARUH GAJI / TANPA GAJI : Jika tempoh lebih 180 hari dalam satu tahun kalendar layak mendapat pergerakan gaji tahunan secara isyarat terhad setakat 3 kali sahaja.

## **6. KESAN KEPADA ELAUN-ELAUN**

- a. Pegawai yang bercuti belajar di luar negara **tidak layak menikmati Elaun COLA ( Elaun Bantuan Sara Hidup)**
- b. Pegawai yang bercuti belajar (dalam dan luar negara) **tidak layak menikmati Elaun Kritikal ( Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal).**
- c. Selain dari itu, **Elaun Kritikal juga akan diberhentikan dalam tempoh berikut;**
  - i. Cuti Tanpa Gaji
  - ii. Cuti Separuh Gaji
  - iii. Berkursus dengan bergaji penuh melebihi 3 bulan
  - iv. Cuti Rehat melebihi 28 hari berturut-turut
  - v. Cuti Haji, Cuti Bersalin dan Cuti Sakit melebihi 28 hari berturut-turut
  - vi. Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan & Profesional yang memangku jawatan Gred Utama dan Gred Khas

## 7. KESAN KEPADA CUTI REHAT

- a. Tempoh perkhidmatan semasa cuti belajar tidak melayakkan cuti rehat (Perintah Am 1(ix) Bab C). Contoh: Pegawai cuti belajar mulai 1/7/2004 sehingga 30/6/2007. Tarikh lapor diri dari cuti belajar adalah pada 1/7/2007. Kelayakan cuti rehat pada tahun 2004 adalah  $(365-184/365 \times 30)$  hari (kelayakan cuti rehat pegawai) = 15 hari. Pada tahun 2005 dan 2006 tidak layak cuti rehat. Manakala kelayakan cuti rehat pada tahun 2007 adalah  $365-181/365 \times 30 = 15$  hari.
- b. Cuti rehat (pada tahun semasa) sebelum cuti belajar tidak boleh dikumpul untuk GCR (gantian cuti rehat) dan tidak boleh dibawa ke tahun hadapan ('carry forward')

## 8. KESAN KEPADA SKIM PENCEN

JENIS CUTI BELAJAR	KESAN KPD SKIM PENCEN
Bergaji penuh	Tempoh cuti boleh diambilkira
Separuh gaji	Tempoh cuti boleh diambilkira
Tanpa gaji atas sebab dasar awam	Tempoh cuti boleh diambilkira
<i>*Tanpa gaji</i>	<i>Tidak boleh diambilkira</i>
Dibayar elaun bersamaan separuh gaji	Tidak boleh diambilkira

**Sumber : Peraturan 5 Peraturan-peraturan Pencen 1980**

- \*7.1 Kemudahan mengambilkira tempoh Cuti Belajar Tanpa Gaji untuk tujuan **pengiraan faedah persaraan adalah berkuatkuasa mulai 1.1.1992, iaitu hanya terpakai ke atas mereka yang diluluskan cuti belajar tanpa gaji yang bermula pada atau selepas tarikh itu.**

**\*7.2 CUTI BELAJAR TANPA GAJI boleh diambil kira bagi faedah persaraan (SPP 2/1998) tertakluk kepada kriteria-kriteria berikut;**

- a. kelulusan cuti belajar tanpa gaji di bawah Perintah 36 Bab C Perintah Am dan bukannya cuti tanpa gaji atas sebab peribadi di bawah Perintah 14 Bab C
- b. Sebarang pertukaran kursus perlu diluluskan oleh agensi yang meluluskan cuti belajar tanpa gaji (KUKTEM)
- c. Pegawai hendaklah lulus dalam pengajiannya dan mengemukakan salinan sijil kelulusan kepada Unit Perkhidmatan untuk direkodkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan dan disimpan dalam fail peribadi
- d. Pegawai dikehendaki berkhidmat dengan agensi tersebut (KUKTEM) sekembalinya bertugas. Jika pegawai itu bersara sebelum dapat memenuhi syarat ini, maka hanya sebahagian tempoh cuti belajar tanpa gaji boleh diambil kira iaitu tempoh ia dapat berkhidmat semula itu.

**DISEDIAKAN OLEH :**

**UNIT PERKHIDMATAN  
PEJABAT PENDAFTAR**

**15 Oktober 2006**

Pkh/c/cutibelajar